

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD.  
TAHIR [TEMERLOH]**

**TARIKH : 28 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**YB DATO' WIRA HAJI MOHD. ANUAR BIN MOHD. TAHIR [TEMERLOH]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mohon penjelasan Kementerian adakah cadangan 'Penempatan Pekerja Secara Berpusat' telah dilaksanakan dan langkah ini tidak akan mengakibatkan kos pembinaan meningkat serta menyebabkan projek tidak berdaya maju dan boleh disiapkan dengan jayanya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan bercadang agar penginapan berpusat ini dijadikan syarat utama dalam pemilihan penginapan pekerja oleh majikan pada masa akan datang. Tujuan utama penyediaan penginapan secara berpusat disarankan adalah demi menjaga kebajikan dan keselamatan pekerja serta mengekalkan ketenteraman dan keharmonian sosial masyarakat di samping mematuhi standard dalam negara dan antarabangsa berhubung perumahan dan penginapan pekerja.

Selain itu, langkah ini juga bertujuan untuk mewujudkan penginapan pekerja yang lebih sistematik dan kondusif bagi tujuan perancangan pembangunan negara, melindungi hak dan kebajikan pekerja berkaitan penginapan. Penginapan berpusat dapat melindungi pekerja daripada elemen buruh paksa serta meningkatkan kawalan dari segi keselamatan dan kesihatan pekerja.

Selaras dengan pindaan **Akta** Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [**Akta 446**] berkuatkuasa mulai 1 Jun 2021, maka Akta ini telah terpakai untuk semua sektor pekerjaan. Akta 446 ini mewajibkan majikan-majikan yang menyediakan penginapan kepada pekerja mendapatkan **Perakuan Penginapan** daripada Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (**JTKSM**). Penginapan ini sama ada disediakan sendiri, disewa atau menggunakan perkhidmatan penyedia penginapan berpusat (**centralised labour quarters, CLQ**).

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini,

Penginapan Berpusat (CLQ) merupakan modul atau pendekatan yang terbukti berjaya di dunia terutamanya di Singapura dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) dalam menyediakan penginapan yang kondusif kepada pekerja terutamanya pekerja asing.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menerusi Konvensyen Perburuhan Antarabangsa menggariskan bahawa semua pekerja perlu

## SOALAN NO : 28

disediakan tempat penginapan yang kondusif. Dalam konteks ini, Malaysia sering dikritik oleh pihak antarabangsa berkaitan dengan kegagalan dalam mematuhi konvensyen tersebut.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) berhasrat untuk melaksanakan pembinaan CLQ ini dan dianggarkan negara kita memerlukan kira-kira 24,000 CLQ yang boleh menjadi tempat penginapan kepada semua pekerja asing di negara kita. Pelaksanaan CLQ ini akan dipantau secara khusus oleh KSM dan KDN dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja termasuk persekitaran terjamin.

Cadangan pembinaan CLQ yang bersesuaian perlu mengambilkira tempoh perjalanan yang optimum iaitu di antara 15 minit ke 30 minit daripada CLQ ke tempat pekerjaan. Pembinaan keseluruhan CLQ ini dijangka akan mengambil masa selama 5 tahun. CLQ ini akan membantu kerajaan mengawalselia pekerja asing yang sah dan dalam masa yang sama boleh mengesan PATI kerana semua pekerja asing yang sah akan tinggal dalam CLQ.

Sekian, terima kasih.